

## Pembangunan Kapasiti Komuniti di Luar Bandar Menerusi Teori Perubahan dan Pendekatan Andragogi: Kajian Kes di Homestay Malaysia

Hj Nor Hairul Bin Palal<sup>a</sup>, Ruhaizah Binti Duki<sup>b</sup> & Prof Dr Amran Bin Hamzah<sup>c</sup>

(<sup>a</sup>Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail), (<sup>b</sup>Politeknik Ibrahim Sultan), (<sup>c</sup>Universiti Teknologi Malaysia)

### Abstract

Proses pembangunan kapasiti komuniti di luar bandar merupakan satu keperluan terutama dalam pembangunan homestay. Sehubungan itu, proses perubahan ini perlu dititikberatkan dengan memastikan proses yang terancang agar perubahan yang dilakukan tidak secara mendadak. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan adalah menerusi proses yang melibatkan Teori Perubahan Lewin yang akan melibatkan tiga fasa iaitu Fasa Proses Pencairan, Fasa Proses Peralihan dan Fasa Proses Pembekuan Semula. Kajian yang dijalankan melibatkan bagaimana proses Teori Proses Pembangunan Kapasiti ini dikaitkan Teori Perubahan Lewin menerusi pendekatan andragogi agar pelaksanaan perubahan dapat dilakukan dengan baik. Isu yang perlu diberi perhatian adalah kesesuaian pendekatan latihan kerana kebanyakan operator homestay Malaysia adalah berumur 40 tahun dan ke atas. Kajian yang dijalankan melibatkan 50 orang responden di mana kajian kes adalah di homestay Malaysia. Kajian ini dilakukan secara kualitatif yang dilaksanakan secara temubual bersemuka. Oleh yang demikian, Atlas-Ti7 telah digunakan bagi membantu pembangunan tema kajian. Hasil kajian menunjukkan hubungkait yang rapat di antara Teori Pembangunan Kapasiti dan Teori perubahan Lewin's menerusi kaedah pelaksanaan latihan secara andragogi.

© 2020 Published by JOJAPS Limited.

Kata Kunci : Pembangunan Kapasiti, Teori Perubahan, Andragogi

### 1. Pengenalan

Homestay merupakan produk pelancongan yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Di Malaysia, homestay merupakan produk pelancongan berasaskan komuniti. Pelancong akan beraktiviti bersama komuniti, tinggal bersama orang kampung dan menghayati kehidupan di luar bandar (Hasan Miraz, Ramli, Ku Mahamud, Bhuiyan Albarune, & Islam, 2015). Produk pelancongan ini mendapat sokongan dari Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Malaysia. Pelbagai promosi yang telah dijalankan oleh kementerian untuk membangunkan produk pelancongan kerana ia membantu meningkatkan pendapatan negara menerusi kehadiran pelancong dalam dan luar Negara.

Pembangunan homestay adalah selari dengan keperluan negara mempelbagaikan produk pelancongan. Sehubungan itu, operator homestay perlu menunjukkan komitmen untuk membangunkan kampung mereka menjadi homestay yang mampu memberi pengalaman yang menarik kepada pelancong. Bagi memenuhi hasrat tersebut pembangunan kapasiti (*capacity building*) perlu diterapkan agar operator homestay ini bersedia dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menerima pelancong. Pembangunan kapasiti ini perlu diterapkan dari individu di dalam sesebuah komuniti agar ia membentuk organisasi dan komuniti yang bersedia di dalam industri pelancongan.

Pembangunan kapasiti komuniti perlu dibangunkan menerusi sesi latihan yang bersesuaian dan berkesan. Hal ini akan meningkatkan kefahaman setiap individu untuk mereka pengubah persepsi dan cara hidup mereka kepada cara hidup yang baru. Perubahan ini perlu dilakukan secara terancang agar tidak berlaku kejutan budaya yang akan memberi kesan negatif di dalam industri pelancongan. Perubahan kepada penerimaan cara hidup yang baru akan memudahkan proses pembangunan homestay dan dalam masa yang sama kualiti hospitaliti yang diberikan oleh operator homestay adalah secara maksima.

Pelbagai isu yang dibangkitkan dalam pembangunan homestay. Di antaranya dari aspek kelemahan yang perlu ditangani dalam pembangunan kapasiti adalah pengurusan pemberi latihan yang membekalkan latihan yang kurang bersesuaian dengan pembangunan sesebuah homestay (Briones, Yusay, & Valdez, 2017). Malah dari aspek pengurusan, pemberian peluang menguruskan pelancong berlaku ketidakserataan yang baik (Kalsom Kayat, 2008). Oleh yang demikian, latihan yang diberikan perlu disesuaikan dengan keperluan setempat, Namun isu yang timbul adalah dari aspek pendekatan latihan yang kurang bersesuaian dengan golongan dewasa (Cyprian, 2012) dan penjelasan diperlukan mengapa walaupun latihan telah diberikan namun pembangunan homestay masih pada tahap yang rendah (Abdul Rasid et al., 2012). Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji keperluan latihan di kalangan operator homestay dan dalam masa yang sama menghubungkan Teori Pembangunan Kapasiti Komuniti dengan Model Perubahan Lewin dan pendekatan latihan secara andragogi bagi membantu perubahan pembangunan homestay.

## **2. Sorotan Kajian**

### **2.1 Homestay di Malaysia**

Homestay di Malaysia mula di lancarkan pada tahun 1985 oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Mohd Noor Ismawi, Mohd Hafiz, Norliza, & Norazah, 2016). Pada masa itu homestay pertama yang diangkat oleh kementerian adalah Homestay Desa Murni di Pahang. Perkembangan homestay dari masa ke semasa meningkat sehingga pada Oktober 2020 sebanyak 219 buah homestay di seluruh Malaysia. Malaysia menyediakan sebanyak 5,989 buah bilik untuk menerima kehadiran pelancong dari dalam dan luar Negara.

Homestay di Malaysia mempunyai persamaan dan perbezaan dengan pelbagai homestay di perbagai Negara di dunia. Negara-negara seperti Thailand (Chantraprayoon & Sasiphalin, 2013), Vietnam (Vinh, 2013) dan Filipina (Guevarra & P. Rodriguez, 2015) mempunyai pendekatan homestay yang sama dengan Malaysia. Pelancong akan tinggal bersama keluarga 'angkat' mereka, berkongsi pengetahuan dan pengalaman, menghayati cara hidup masyarakat setempat serta menikmati produk pelancongan semulajadi yang terdapat di sekitar homestay tersebut. Berbeza dengan homestay di Negara-negara seperti Australia (Kidd, King, & Whitelaw, 2005), Mexico dan Spain (Schmidt-Rinehart & Knight, 2009), United Kingdom (Aziz, Ahmad Munir, Mohd Shaladdin, Norsiah, & Yahaya, 2013), dan pelbagai Negara lain. Negara-negara ini mempunyai konsep homestay sebagai satu mekanisme untuk meningkatkan kemahiran bahasa. Pelajar antarabangsa akan ditempatkan di homestay agar mereka dapat mempelajari bahasa setempat dengan keluarga homestay mereka.

### **2.2 Pembangunan Kapasiti Operator Homestay**

Pembangunan kapasiti merupakan keupayaan meningkatkan perkembangan kemahiran dan kebolehan seseorang untuk membuat tindakan terhadap keputusan mereka (Aref, Redzuan, & Gill, 2010). Terdapat tiga aras dalam pembangunan kapasiti iaitu pembangunan kapasiti individu, kapasiti organisasi dan kapasiti komuniti (Aref, Ma'rof, Gill, & Aref, 2010). Pembangunan kapasiti ini bertujuan untuk membantu meningkatkan pembangunan kelestarian sesuatu komuniti. Pembangunan kapasiti perlu dibangunkan di peringkat awal iaitu kapasiti individu. Setiap individu yang telah dibangunkan dari segi kemahiran dan kebolehan yang bersesuaian dengan keperluan semasa mampu membentuk individu yang mempunyai hala tuju yang terancang. Apabila sekumpulan individu telah berjaya dibangunkan ia akan membantu membangunkan sebuah organisasi untuk mencapai matlamat organisasi tersebut. Malah pembangunan kapasiti organisasi yang berjaya mampu membentuk kejayaan pembangunan kapasiti komuniti.

Pembangunan kapasiti dari aspek industri pelancongan membantu membangunkan industri ini menerusi kekuatan operator homestay dalam bidang hospitaliti. Kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi oleh operator homestay menerusi proses latihan yang bersesuaian menjadikan mereka bersedia untuk menguruskan dengan pelancong (Lucier, 2008). Ilmu yang diperolehi menjadikan komuniti ini mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelancong walaupun pada peringkat awal mereka tiada asas untuk menguruskan pelancong. Sehubungan itu, proses memberi latihan adalah merupakan perkara penting yang diambilkira bagi memastikan keberkesanan dalam latihan.

### **2.3 Pendekatan Latihan Secara Andragogi**

Pendidikan orang dewasa atau andragogi merupakan pendekatan latihan yang diberikan kepada golongan orang-orang yang berumur. Andragogi boleh didefinisikan sebagai seni dan sains di dalam pembelajaran orang dewasa (Knowles, 1970) untuk membantu mereka mendapat ilmu dengan cara yang bersesuaian kepada keperluan mereka yang berumur. Perbincangan mengenai andaian teori andragogy dibincangkan menerusi 6 andaian iaitu i) Konsep Kendiri, ii) Ingin mengetahui, iii) Menggunakan pengalaman dalam pembelajaran, iv) kesediaan untuk belajar, v) Orientasi kepada pembelajaran dan vi) Motivasi dalaman (Chan, 2010).

Pembelajaran secara andragogi mementingkan kepada impak latihan yang disampaikan (Rismiyanto, Mursid, Januarius, & Ahmad Shofwan, 2017). Peserta latihan diberi ilmu agar mereka boleh menggunakan pengetahuan yang diperoleh dalam urusan harian termasuk urusan mengendalikan pelancong (Kunjuraman & Rosazman, 2017). Pendekatan secara praktikal dilihat antara pendekatan yang mesra golongan dewasa agar mereka mudah memahami ilmu yang disampaikan. Malah mereka berpeluang untuk melakukan sendiri aktiviti yang dilaksanakan. Penggunaan contoh yang dekat dengan peserta latihan juga merupakan kaedah yang sering digunakan agar mereka mudah memahami maklumat yang disampaikan.

## 2.4 Pembangunan Homestay Menerusi Model Perubahan

Model Perubahan Lewin merupakan model yang diperkenalkan oleh Kurt Lewin pada tahun 1947 (Syed Talib et al., 2017). Model ini melihat kepada proses perubahan seseorang atau komuniti dari awal mengubah persepsi kepada pengukuhan kefahaman mereka pada tahap dirancang. Model perubahan ini meliputi tiga proses iaitu proses pencairan, peralihan dan pembekuan semula (Dijesh & Mary, 2017). Perubahan sesuatu komuniti perlu dilakukan secara berperingkat dengan memberikan pengetahuan kepada individu, mengukuhkan kefahaman dan memastikan kesediaan individu tersebut bersedia untuk berubah. Apabila ramai individu yang jelas kepada hala tuju perubahan, secara tidak langsung ia akan membantu proses perubahan kepada komuniti.

Teori perubahan ini diterapkan di dalam Pembangunan Kapasiti Homestay adalah merujuk kepada batasan yang ada pada Teori Pembangunan Kapasiti (Foster-Fishman, Pennie G Cantillon, Pierce, & Egeren, 2007). Penerapan latihan di dalam Teori Pembangunan Kapasiti perlu diperkukuhkan agar ilmu yang diberikan bukan hanya ilmu yang hanya untuk di dengar tetapi ia perlu diamalkan (Foster-Fishman, Pennie G Cantillon et al., 2007). Menerusi Teori perubahan, bagi membangunkan sesebuah homestay, operator homestay perlu diperkukuhkan dengan kefahaman dan hala tuju industri homestay. Ini kerana banyak anasir-anasir negatif yang akan meracuni pemikiran operator homestay agar kembali kepada cara hidup lama. Dengan gabungan dua teori ini dan disekalikan dengan pendekatan andragogi. Operator homestay akan nampak dengan lebih jelas kemana hala tuju industri homestay

## 3. METODOLOGI

Kajian pembangunan kapasiti komuniti menerusi Teori Perubahan dilaksanakan secara kualitatif (Yin, 2011). Kajian ini melibatkan proses mendapatkan maklumat yang dilakukan secara sesi temubual bersemuka, pemerhatian dan menerusi analisis dokumen (Loraine Blaxter, Christina Hughes, 2010). Kajian ini melibatkan seramai 50 orang responden di mana ia melibatkan 3 kumpulan responden iaitu operator homestay, penyelaras homestay dan pihak berkuasa yang menguruskan homestay seperti Kementerian Pelancongan Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) dan Institusi Kemajuan Desa, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (INFRA). Proses pemilihan responden bagi kajian yang dijalankan adalah berdasarkan teknik pensampelan bertujuan (Marohaini, 2013) yang melibatkan proses 'snowball' dalam penentuan responden. Melalui proses pemilihan responden yang tepat ia akan membantu mendapatkan maklumat yang diperlukan.

**Jadual 3.1:** Bilangan Responden Mengikut Kategori


| Bil | Kategori Responden  | Bilangan Responden |
|-----|---------------------|--------------------|
| 1   | Operator Homestay   | 32 responden       |
| 2   | Penyelaras Homestay | 10 responden       |
| 3   | Pemegang Taruh      | 8 responden        |

Proses sesi temubual dilakukan untuk tempoh masa 45 minit sehingga 1 jam bagi setiap proses rakaman. Rakaman akan ditukar ke transkrip temubual dan analisa temubual dilakukan menggunakan perisian Atlat-Ti7 bagi membantu pembangunan tema.

## 4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji keperluan latihan yang dilakukan secara andragogi bagi mengukuhkan kefahaman dan perubahan pembangunan kapasiti komuniti homestay. Kebanyakan operator homestay merupakan golongan dewasa dan tidak mempunyai asas dalam industry pelancongan. Selama ini mereka hidup dalam suasana desa yang melibatkan aktiviti harian seperti menternak haiwan, pertanian dan industry kecil seperti kedai runcit. Namun setelah menyertai homestay, perubahan dari segi cara hidup dan aktiviti harian berubah dengan ketara. Perubahan ini boleh memberi implikasi positif dan negatif kepada komuniti kerana terdapatnya kehadiran orang luar ke kampung mereka dan tinggal bersama mereka.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, bagi membentuk homestay yang lestari. Proses pembangunan kapasiti komuniti perlu dirancang dengan dengan baik. Operator homestay perlu diperkukuhkan dengan kemahiran dan pengetahuan agar mereka bersedia untuk bekerja sama dalam pasukan untuk membentuk sebuah homestay yang mampu menarik kehadiran pelancong. Berdasarkan maklumat yang diterima, 3 fasa dalam Teori Perubahan merupakan fasa yang sangat penting untuk dibangunkan secara terancang.



**Rajah 5.1** Hubungan diantara Teori Perubahan Lewin dengan Pembangunan kapasiti di Homestay

Rajah 5.1 merupakan rajah yang menunjukkan hubungan di antara Teori Perubahan Lewin dengan Pembangunan Kapasiti. Berdasarkan kepada dapatan kajian, operator homestay perlu diberi pengetahuan untuk mereka memahami keperluan dalam pembangunan homestay. Kebanyakan responden tidak mempunyai asas dalam menguruskan pelancong. Menerusi kursus yang dianjurkan oleh INFRA iaitu kursus Asas Homestay, peserta akan didedahkan dengan pelbagai pengetahuan mengenai pembangunan homestay. Peserta akan didedahkan dengan pengetahuan pengurusan agensi-agensi berkaitan homestay, asas dalam hospitaliti, pembangunan pakej, pemasaran homestay dan hala tuju homestay. Peserta juga didedahkan secara kemahiran praktikal menerusi lawatan ke homestay lain untuk mendapatkan pengalaman dan menjalankan sendiri aktiviti homestay.

Sesi latihan secara lawatan membantu proses perkongsian ilmu dengan peserta homestay lain yang telah berjaya. Perkongsian pengalaman ini membantu memberi banyak pengetahuan dan idea untuk menguruskan homestay. Proses ini secara tidak langsung merupakan antara proses pencairan (*Unfreeze*) bagi membentuk kefahaman kepada peserta situasi sebenar industri homestay. Walaubagaimanapun antara isu yang disuarakan oleh responden, proses pembelajaran secara teori perlu diperingkatkan agar pendekatan andragogi dilaksanakan semasa latihan. Penceramah yang dilantik perlulah mempunyai banyak pengalaman kerana mereka perlu menggunakan pendekatan yang mampu menarik perhatian peserta yang kebanyakannya adalah golongan berumur. Setelah operator homestay memahami perubahan kehidupan yang berlaku, dan mereka bersedia untuk menguruskan homestay dengan baik. Proses perubahan kedua perlu dilakukan dengan segera.

Proses kedua merupakan proses peralihan (*change*). Pada proses ini, operator homestay telah jelas hala tuju mereka dalam mengendalikan homestay. Mereka telah mula melaksanakan aktiviti homestay seperti melakukan promosi homestay, menerima kehadiran pelancong dan menghayati kehidupan baru. Isu yang perlu ditangani pada tahap ini adalah memastikan proses peralihan ini berlaku dengan sepenuhnya. Memastikan operator homestay diberi pengukuhan dalam pengendalian homestay menerusi pelbagai kursus yang bersesuaian. Pada peringkat ini, latihan yang bersesuaian dengan keperluan operator homestay perlu diberi penekanan. Selain pelbagai latihan yang telah diberikan, kualiti latihan perlu diberi penekanan. Pendekatan andragogi dalam latihan perlu dikekalkan. Kaedah seperti perbincangan, perkongsian pengalaman, lawatan, latihan amali perlu diberi keutamaan. Hal ini penting bagi memastikan proses pencairan yang telah dilakukan benar-benar memberi impak.

Proses ketiga adalah proses pembekuan semula (*refreezing*). Pada tahap ini, kebanyakan operator perlu diperkukuhkan sepenuhnya kepada cara hidup baru dalam industri hospitality. Ini kerana pada tahap ini, pelbagai cabaran baru seperti hasutan dari individu yang tidak suka kepada perubahan sering berlaku. Peranan ketua komuniti untuk memberi keyakinan kepada ahlinya hala tuju baru yang telah dibentuk dan sering memberi semangat dan motivasi kepada mereka.

Isu seperti ketua komuniti yang tidak memberi peluang kepada ahlinya untuk menerima pelancong secara sekata antara faktor yang boleh memberi kesan dalam kelestarian homestay. Sehubungan itu, peranan pihak pengurusan dilihat sangat perlu untuk memastikan kelestarian homestay dapat dikekalkan untuk tempoh masa yang panjang.

Pembangunan kapasiti komuniti di luar bandar seperti di homestay memerlukan proses pembangunan yang terancang. Keperluan pendekatan latihan secara andragogi dan diperkukuhkan dengan Teori Perubahan Lewin merupakan satu kombinasi teori yang sangat baik. Ia dibuktikan dengan kejayaan beberapa homestay seperti Homestay Banghunis di Selangor, Homestay Pachitan di Negeri Sembilan, Homestay Kuposizon di Sabah dan beberapa homestay yang lain di Malaysia.

## 5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Keperluan membangunkan homestay untuk memastikan kelestarian homestay di dalam industri pelancongan di Malaysia perlu dilakukan menerusi perancangan yang teliti. Pelbagai pihak yang berkaitan perlu bersama-sama berganding bahu untuk merealisasikan impian tersebut. Agensi kerajaan dan swasta perlu bersama-sama memberi sokongan menerusi bantuan pembangunan dan menarik pelancong untuk tinggal dan menjalani aktiviti di Homestay. Kerjasama dari komuniti juga sangat diperlukan untuk bekerjasama memberikan perkhidmatan yang berkualiti apabila menerima kehadiran pelancong. Perancangan mempelbagaikan aktiviti perlu dilakukan dengan mewujudkan destinasi atau produk pelancongan yang mempunyai tarikan yang tersendiri. Menjaga kelestarian produk sedia ada perlu dilakukan oleh semua pihak agar ia sentiasa terjaga dan tidak merosakkan alam sekitar.

Bagi memastikan kualiti hospitaliti operator homestay sentiasa dijaga, latihan demi latihan yang bersesuaian dengan keperluan setempat perlu diberikan. Penceramah yang memberi kursus perlu diberi latihan dalaman berkaitan pendekatan andragogi dan psikologi pengurusan orang dewasa agar kualiti latihan dapat disampaikan terutama melibatkan peserta kursus yang berumur. Hubungan di antara ahli perlu diterapkan agar keharmonian komuniti dapat dipupuk bagi kelestarian homestay.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid, A. R., Muhamad Zaid, M., Ali, S., Razali, H., Amran, H., & Zainab, K. (2012). Community Capacity Building for Tourism Development: Experience from Miso Walai Homestay. *Business and Management Review*, 2(5), 10–19. <https://doi.org/10.1080/09709274.2009.11906187>
- Aref, F., Ma'rof, R., Gill, S. S., & Aref, A. (2010). Assessing the Level of Community Capacity Building in Tourism Development in Local Communities. *Journal of Sustainable Development*, 3(1), 81–90.
- Aref, F., Redzuan, rof, & Gill, S. S. (2010). Dimensions of Community Capacity Building: A review of its Implications in Tourism Development. *Marsland Press Journal of American Science*, 66(11), 172–180.
- Aziz, A., Ahmad Munir, M. S., Mohd Shaladdin, M., Norsiah, A., & Yahaya, I. (2013). Modeling Quality of Life and Life Satisfaction amongst Homestay Program Participants in Malaysia. *The International Journal of Social Sciences*, 7(1), 194–204. Retrieved from <http://tijoss.com/7th volume/Munir.pdf>
- Briones, Z. B. H., Yusay, R. M. S., & Valdez, S. (2017). Enhancing Community Based Tourism Programs of Gawad Kalinga Enchanted Farm Towards Sustainable Tourism Development. *Journal of Economic Development, Management, IT, Finance and Marketing*, 9(March), 51–60.
- Chan, S. (2010). Applications of Andragogy in Multi-Disciplined Teaching and Learning. *Journal of Adult Education*, 39(2), 25–35.
- Chantraprayoon, O. S., & Sasiphalin, W. (2013). An Appropriate Homestay Management Model for Banmor Community, papai Sub-district, Sansai District, Chiang mai Province, Thailand. *Business and Information*, 174–184.
- Cyprian, O. E. (2012). Adult Learning Development from the Prism of Homestay. *Higher Education Studies*, 2(3), 77–87. <https://doi.org/10.5539/hes.v2n3p77>
- Dijesh, K. J., & Mary, R. R. (2017). Analysis of Change Models and Evolving Business Strategies for Proposed Change in Dynamic Environment. *International Research Journal of Engineering and Technology*, 4(3), 1351–1357.
- Foster-Fishman, Pennie G Cantillon, D., Pierce, S. J., & Egeren, L. A. Van. (2007). Building an active citizenry : the role of neighborhood problems , readiness , and capacity for change. *Am J Community Psychol* (2007), 39, 91–106. <https://doi.org/10.1007/s10464-007-9097-0>
- Guevarra, S. V., & P. Rodriguez, M. C. (2015). Homestay and Tourism in a Philippine Municipality: A Conceptual Framework for Sustainability. *Social Science Diliman*, 11(1), 24–47. <https://doi.org/10.1017/S0026749X13000553>
- Hasan Miraz, M., Ramli, R., Ku Mahamud, K. R., Bhuiyan Albarune, A. R., & Islam, F. (2015). A Study on Homestay Malaysia: ICT Applications. *Proceedings of International Conference on Networking and Computer Application*, 30–37.

- Abdul Rasid, A. R., Muhamad Zaid, M., Ali, S., Razali, H., Amran, H., & Zainab, K. (2012). Community Capacity Building for Tourism Development: Experience from Miso Walai Homestay. *Business and Management Review*, 2(5), 10–19. <https://doi.org/10.1080/09709274.2009.11906187>
- Aref, F., Ma'rof, R., Gill, S. S., & Aref, A. (2010). Assessing the Level of Community Capacity Building in Tourism Development in Local Communities. *Journal of Sustainable Development*, 3(1), 81–90.
- Aref, F., Redzuan, rof, & Gill, S. S. (2010). Dimensions of Community Capacity Building: A review of its Implications in Tourism Development. *Marsland Press Journal of American Science*, 66(11), 172–180.
- Aziz, A., Ahmad Munir, M. S., Mohd Shaladdin, M., Norsiah, A., & Yahaya, I. (2013). Modeling Quality of Life and Life Satisfaction amongst Homestay Program Participants in Malaysia. *The International Journal of Social Sciences*, 7(1), 194–204. Retrieved from <http://tijoss.com/7th volume/Munir.pdf>
- Briones, Z. B. H., Yusay, R. M. S., & Valdez, S. (2017). Enhancing Community Based Tourism Programs of Gawad Kalinga Enchanted Farm Towards Sustainable Tourism Development. *Journal of Economic Development, Management, IT, Finance and Marketing*, 9(March), 51–60.
- Chan, S. (2010). Applications of Andragogy in Multi-Disciplined Teaching and Learning. *Journal of Adult Education*, 39(2), 25–35.
- Chantraprayoon, O. S., & Sasiphalin, W. (2013). An Appropriate Homestay Management Model for Banmor Community, papai Sub-district, Sansai District, Chiang mai Province, Thailand. *Business and Information*, 174–184.
- Cyprian, O. E. (2012). Adult Learning Development from the Prism of Homestay. *Higher Education Studies*, 2(3), 77–87. <https://doi.org/10.5539/hes.v2n3p77>
- Dijesh, K. J., & Mary, R. R. (2017). Analysis of Change Models and Evolving Business Strategies for Proposed Change in Dynamic Environment. *International Research Journal of Engineering and Technology*, 4(3), 1351–1357.
- Foster-Fishman, Pennie G Cantillon, D., Pierce, S. J., & Egeren, L. A. Van. (2007). Building an active citizenry : the role of neighborhood problems , readiness , and capacity for change. *Am J Community Psychol* (2007), 39, 91–106. <https://doi.org/10.1007/s10464-007-9097-0>
- Guevarra, S. V., & P. Rodriguez, M. C. (2015). Homestay and Tourism in a Philippine Municipality: A Conceptual Framework for Sustainability. *Social Science Diliman*, 11(1), 24–47. <https://doi.org/10.1017/S0026749X13000553>
- Hasan Miraz, M., Ramli, R., Ku Mahamud, K. R., Bhuiyan Albarune, A. R., & Islam, F. (2015). A Study on Homestay Malaysia: ICT Applications. *Proceedings of International Conference on Networking and Computer Application*, 30–37.
- Kalsom Kayat. (2008). Stakeholders' Perspectives Toward A Community-Based Rural Tourism Development. *European Journal of Tourism Research*, 1(2), 94–112.
- Kidd, J. N., King, B. E. M., & Whitelaw, P. A. (2005). A Profile of Farmstay Visitors in Victoria, Australia and Preliminary Activity-Based Segmentation. *Journal of Hospitality & Leisure Marketing*, 11(4), 45–64. [https://doi.org/10.1300/j150v11n04\\_04](https://doi.org/10.1300/j150v11n04_04)
- Knowles, M. S. (1970). *The Modern Practice of Adult Education, Andragogy Versus Pedagogy*.
- Kunjuraman, V., & Rosazman, H. (2017). Challenges of community-based homestay programme in Sabah, Malaysia: Hopeful or hopeless? *Tourism Management Perspectives*, 21(January), 1–9. <https://doi.org/10.1016/j.tmp.2016.10.007>
- Loraine Blaxter, Christina Hughes, M. T. (2010). *How to Research, 4th Edition (2010, Open University Press)*.
- Lucier, K. H. (2008). A consultative training program: Collateral effect of a needs assessment. *Communication Education*, 57(4), 482–489. <https://doi.org/10.1080/03634520802094305>
- Marohaini, M. Y. (2013). Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif. In *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*.
- Mohd Noor Ismawi, I., Mohd Hafiz, H., Norliza, A., & Norazah, M. (2016). Community-based Homestay Service Quality, Visitor Satisfaction, and Behavioral Intention. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 222, 398–405. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.05.192>
- Rismiyanto, Mursid, S., Januarius, M., & Ahmad Shofwan. (2017). Andragogy and Pedagogy: Learning Method Orientations For EFL Adult Learners. *Asian Journal of Educational Research*, 5(2), 32–41.
- Schmidt-Rinehart, B. C., & Knight, S. M. (2009). The Homestay Component of Study Abroad: Three Perspectives. *Foreign Language Annals*, 37(2), 254–262. <https://doi.org/10.1111/j.1944-9720.2004.tb02198.x>
- Syed Talib, H., Lei, S., Akram, T., Muhammad Jamal, H., Syed Hadi, H., & Ali, M. (2017). Kurt Lewin's Change Model: A Critical Review of AThe Role of Leadership and Employee Involvement in Organizational Change. *Journal of Innovation & Knowledge*, 1–7.
- Vinh, N. Q. (2013). Destination Culture and Its Influence on Tourist Motivation and Tourist Satisfaction of Homestay Visit. *Journal of The Faculty of Economics and Administration Sciences*, 3(2), 199–222.
- Yin, R. K. (2011). Case Study Research: Design and Methods. In *SAGE Publication*. <https://doi.org/10.1097/00005053-199102000-00025>